

## **PENDEKATAN PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MEMBACA MENERUSI LAGU DAN MUZIK BERASASKAN KOMPUTER BAGI MURID TAHUN SATU**

*Tiong Leh Ling & Zaidatun Tasir  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia*

### **ABSTRAK**

*Masalah keciciran menguasai kemahiran membaca masih berlaku dalam kalangan murid-murid Sekolah Rendah di negara kita bahkan di luar negara. Teori Pembelajaran Bruner telah menunjukkan bahawa kanak-kanak mempunyai kemampuan simbolik semasa Tahun Satu jika didedahkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas di luar negara, pendekatan pembelajaran menerusi lagu dan muzik dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca didapati amat berkesan. Justeru, penyelidik ingin mengkaji potensi dan keberkesanan pendekatan pembelajaran kemahiran membaca menerusi lagu dan muzik berasaskan komputer di negara kita.*

### **1.0 Pengenalan**

Mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras yang perlu dipelajari sama ada di Sekolah Kebangsaan mahupun di Sekolah Jenis Kebangsaan. Saranan Kementerian Pelajaran Malaysia yang mewajibkan para pelajar lulus mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat PMR dan SPM adalah amat baik bagi memartabatkan Bahasa Melayu di negara kita. Ini kerana Bahasa Melayu bukan sahaja merupakan bahasa ibunda kita malahan ia merupakan bahasa utama yang sering diguna selain daripada bahasa Inggeris.

Membaca merupakan satu kemahiran yang sangat penting dalam semua mata pelajaran khususnya mata pelajaran Bahasa Melayu. Untuk membaca dengan baik, seseorang itu perlu menguasai kemahiran membaca dengan baik kerana kemahiran ini merupakan perkara asas yang perlu dikuasai oleh setiap orang murid bermula dari Tahun Satu lagi. Kegagalan menguasai kemahiran membaca menyebabkan murid tidak dapat membaca dengan betul dan lancar malah mereka tidak akan dapat menjawab soalan yang akan dikemukakan.

### **2.0 Latar Belakang Masalah**

Jabatan Pendidikan Khas, dalam Buku Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan Pemulihan Khas melaporkan bahawa antara 10 hingga 15% dalam kalangan murid-murid sekolah masih menghadapi masalah kegagalan menguasai 3M khususnya kemahiran asas membaca (Kementerian Pendidikan Malaysia 1999). Utusan Malaysia (2006) pula ketika memetik pendedahan Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Siva Subramaniam yang menyatakan bilangan murid lemah membaca adalah terlalu ramai iaitu menjangkau jumlah lebih daripada 500,000 orang murid yang kebanyakannya terdiri daripada murid tahun enam. Menurut Utusan Malaysia, jumlah ini mewakili 25% daripada dua juta murid-murid sekolah rendah di seluruh omput. Beliau turut menyarankan agar program pendidikan pemulihan di sekolah diperhebatkan dengan mempelbagaikan pendekatan agar masalah ini dapat ditangani secara berkesan.

Setelah omput 30 tahun pelaksanaannya, Program Pendidikan Pemulihan masih belum berkesan sepenuhnya dalam usaha menangani masalah penguasaan 3M khususnya kemahiran asas membaca dalam kalangan pelajar-pelajar pemulihan, serta memastikan 100% celik huruf dalam omput pendidikan omput (Charlie, 2008). Menurut omputer yang dilaporkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur (1996), kebolehan membaca bagi kanak-kanak berumur lima hingga sembilan tahun ialah bahasa Melayu 57%, bahasa Mandarin 11%, bahasa Inggeris 5%, Tamil 3% dan Jawi 3%. Hasil kajian yang dijalankan oleh Zainora (2005) telah mendapati keputusan peperiksaan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Kebangsaan Merting, Jerantut, berada pada tahap yang tidak memuaskan. Majoriti kelas tidak mencapai sasaran sekolah iaitu 80%. Selain itu, terdapat lebih kurang lima peratus murid yang markah peperiksaan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di bawah 20 markah. Hasil tinjauan dilakukan menunjukkan bahawa murid-murid ini tidak menguasai kemahiran membaca. Masalah ini menyebabkan mereka lambat memahami kehendak soalan dan juga menyebabkan mereka mengambil jalan mudah dengan menjawab tanpa membaca soalan. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Roziah (2005) di Sekolah Kebangsaan Kuala Tahan, Jerantut, Pahang Darul Makmur, seramai 10 orang daripada 27 orang murid Tahun Satu begitu lemah dalam membaca. Menurut Rahmalizah dalam Meran (2006), jumlah kanak-kanak yang tidak tahu membaca di omput ini semakin membimbangkan.

Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui pekelilingnya KP/JPK/BPKP/03/03/1 (43) (1998), telah mencadangkan agar semua sekolah rendah dan menengah di seluruh omput melaksanakan program intervensi 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) mulai Januari 1999. Keadaan ini memperlihatkan betapa seriusnya masalah kegagalan menguasai kemahiran asas membaca dalam kalangan murid-murid sekolah rendah di seluruh omput. Pada tahun 2006, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menjalankan kajian dan mendapati seramai 138,271 murid tahun satu di Semenanjung Malaysia dengan 35.52% tidak menguasai kemahiran asas membaca dan menulis (Md. Fuzi, 2007). Bagi membendung masalah ini, program KIA2M telah dilancarkan secara rasminya oleh Y. Bhg. Dato' Dr. Hj. Ahamad bin Sipon, Bekas Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia pada 20 April 2006 di Hotel Pearl International, Kuala Lumpur. Objektif program ini ialah untuk memastikan 100% murid tahun satu menguasai kemahiran asas membaca dan menulis dalam bahasa Melayu sebelum melangkah ke tahun dua. Program KIA2M telah mendatangkan hasil yang memuaskan di mana seramai 69,691 murid telah menguasai kemahiran 3M dalam ujian yang diadakan pada bulan Jun dan July, 2006

(Bernama.com., 2006). Justeru, bagi memastikan penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid Tahun Satu secara lebih berkesan, penyelidik bercadang menggunakan pendekatan pembelajaran menerusi lagu dan muzik berasaskan komputer untuk meningkatkan lagi penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid Tahun Satu.

### **3.0 Masalah Kemahiran Membaca Dalam Konteks Luar Negara**

Menurut Westwood (2001), lebih kurang 16% kanak-kanak Australia menghadapi masalah dalam membaca. Selain itu, 40% kanak-kanak yang berumur sembilan tahun di Amerika Syarikat berada di bawah purata tahap kebolehan membaca (U.S. Department of Education, 1998). Seramai lapan hingga 12% kanak-kanak prasekolah dan 12% kanak-kanak tahun Satu menghadapi masalah penguasaan bahasa iaitu lemah dalam kemahiran mendengar dan membaca di Amerika Syarikat dan Kanada (Jamieson, 2007).

Kelemahan dalam penguasaan bahasa dan kemahiran membaca di peringkat prasekolah akan berlanjutan dari peringkat kanak-kanak ke peringkat dewasa dan seterusnya (Catts, Fey, Tomblin, & Zhang, 2002; Lewis & Freebairn, 1992; Roth, Speece, & Cooper, 2002; Snowling, Bishop, & Stothard, 2000 dan Law, Boyle, Harris, Harkness & Nye, 1998).

### **4.0 Keberkesanan Penggunaan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran**

Banyak kajian yang dijalankan dalam masa 20 tahun yang lalu mendapati Computer-Based Learning (CBL) telah menjadikan sistem pengajaran lebih berkesan dan persekitaran pembelajaran menjadi lebih efisien (Howell, 1971; Hess & Tenezakis, 1973; Papert, 1980; Hannafin, 1984; Menis, 1987 dan Ellington & Race, 1993). Selain itu, banyak kajian juga telah menunjukkan bahawa komputer berpotensi dalam membantu murid memperbetulkan kerangka alternatif dan meningkatkan pencapaian akademik murid dalam mata pelajaran sains (Lazaroqitz & Huppert, 1993; Rogers & Wild, 1996; Cracolice & Abraham, 1996 dan Friedler et al., 1989). Begitu juga hasil kajian Okolo, Bahr & Reith (1993) juga telah mendapati bahawa pengajaran berbantuan komputer merupakan satu alat yang berkesan untuk pengajaran Matematik.

Kajian dari Universiti John Hopkins juga menunjukkan murid berminat dalam kelas yang menggunakan komputer secara efektif dan jarang ponteng kelas, malah mereka sudi memperuntukkan lebih masa untuk belajar menggunakan komputer. Di samping itu, murid juga lebih bersosial, lebih berdikari dan saling bekerjasama dalam menyelesaikan masalah serta sudi berkongsi informasi dan pengetahuan (Azman, 2000). Hasil kajian Fuchs & Alider (1993) menunjukkan pengajaran berbantuan komputer memanfaatkan murid. Murid akan menjadi lebih aktif, lebih menumpukan perhatian kepada tugas dan kemahiran menyelesaikan masalah semakin meningkat. Selain itu, kajian Faridah (2001) telah membuktikan bahawa komputer mempercepat proses pembelajaran dan berpotensi untuk meningkatkan prestasi pencapaian akademik murid-murid khas. Kajian yang dijalankan oleh Phua, Ramasamy & Ang (1998) juga telah membuktikan wujudnya perbezaan pencapaian markah di antara murid yang diajar

dengan kaedah pengajaran berbantuan komputer dengan kaedah pembelajaran tradisional.

## 5.0 Keberkesanan Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Membaca Menerusi Lagu dan Muzik

Menurut Blair, Jones & Simpson (1991), murid yang lambat memerlukan bantuan untuk mencari bahan yang agak mudah dan menyeronokkan supaya kemahiran membaca bertambah pada kadar yang biasa baginya. Banyak kajian lepas telah dikendalikan untuk menguji keberkesanan muzik terhadap perkembangan mental kanak-kanak. Menurut ahli sains, kanak-kanak yang terdedah kepada muzik atau bermain instrumen muzik mempunyai pencapaian akademik yang lebih baik. Hasil kajian Droscher (2006) mendapati bahawa pendedahan terhadap muzik mempercepat umur membaca, IQ dan perkembangan mental. Hasil kajian yang lalu juga telah menunjukkan bahawa muzik dapat meningkatkan kemahiran membaca dan menulis. Lagu didapati membantu kanak-kanak dalam mengenali teks secara lebih berkesan berbanding dengan pertuturan (Colwell, 1994, Register, 2001 dan Standley & Hughes, 1997). Hasil kajian lepas juga menunjukkan bahawa skor pencapaian murid meningkat dengan menggunakan muzik dalam program membaca (Hansen & Bernstorf, 2002). Butzlaff (2002) dan Lamb & Gregory (1993) mendapati wujudnya hubungan antara pencapaian membaca dan muzik.

Muzik sebenarnya telah memberi peluang kepada murid yang menghadapi kesukaran membaca dan menulis dengan sifatnya yang dapat dimainkan berulang kali, merdu dan penuh menyentuh perasaan (Gipe, 2002). Menurut kajian yang dijalankan oleh Schon *et al* (2007), lagu didapati memudahkan pembelajaran berbanding dengan pertuturan khasnya dalam pembelajaran sesuatu bahasa baru. Lagu mendatangkan fungsi emosi (keterbukaan dan kesenangan), dan juga memudahkan proses pembelajaran bahasa atas sebab strukturnya yang mudah dan berulang. Menurut Krashen (1982) pula, lagu membekalkan input bahasa di mana ia merupakan elemen penting dalam perolehan bahasa. Tindakan memainkan muzik dan lagu memotivasikan murid untuk menghadiri dan menumpu perhatian di dalam bilik darjah (Tan & Shi, 2005).

Hasil kajian oleh Salcedo (2002) juga mendapati bahawa penggunaan lagu dalam bilik darjah bahasa asing mungkin membantu mengingat sesuatu teks. Selain itu, kejadian latihan mental dengan tidak sengaja (*involuntary mental rehearsal / din*) juga meningkat dengan wujudnya muzik. Justeru, muzik mungkin merupakan cara yang berkesan untuk perolehan bahasa. Menurut dapatan kajian yang dijalankan oleh Elisabeth (2005), keberhasilan pembelajaran bahasa sangat dipengaruhi oleh kemampuan seorang guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan menyenangkan kanak-kanak. Seseorang kanak-kanak dikatakan suka menyanyi dan bergerak. Justeru, lagu dan aktiviti pergerakan adalah salah satu pendekatan yang efektif dalam pembelajaran bahasa. Kanak-kanak menjadi lebih senang dan mudah memahami melalui aktiviti nyanyian. Walau bagaimanapun, hasil kajian oleh Allen (2007) telah menunjukkan bahawa tiada terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian kemahiran membaca bagi murid ELL (*English Language Learners*) selepas satu tahun terlibat dalam kajian yang menggunakan pendekatan muzik dalam mempelajari bahasa (*language-rich music lessons*).

## 6.0 Teori Perkembangan Kanak-kanak

### 6.1 Teori Pembelajaran Bruner

Jerome Bruner yang merupakan seorang ahli psikologi yang berpengaruh di Amerika Syarikat. Beliau telah membahagikan perkembangan mental manusia kepada tiga tahap iaitu peringkat enaktif (0-2 tahun), peringkat ikonik (2-4 tahun) dan peringkat simbolik (5-7 tahun). Pada peringkat simbolik, kanak-kanak telah boleh menggunakan simbol, seperti perkataan dan bahasa untuk menghuraikan pengalamannya, iaitu bermulanya penaakulan simbolik (Khadijah, Mahani & Ramlah, 2007). Kesimpulannya, kanak-kanak dikatakan mempunyai kemampuan simbolik semasa Tahun Satu jika didedahkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

### 6.2 Teori Konstruktivisme

Menurut Borich & Tombari (1997), konstruktivisme adalah pendekatan pembelajaran yang menyediakan peluang kepada murid untuk membina kefahaman terhadap perkara yang dipelajari dengan mewujudkan jaringan atau hubungan (dalam minda) antara idea dan fakta yang sedang dipelajari. Oleh itu, konstruktivisme juga dikenali sebagai fahaman "binaan". Dari kenyataan-kenyataan tersebut, jelaslah bahawa mengikut teori pembelajaran konstruktivisme, murid perlu memainkan peranan aktif dalam memahami dan memberi makna kepada maklumat atau pengetahuan yang dipelajari. Manusia bukanlah penerima maklumat yang pasif. Sebaliknya, murid menerima maklumat dengan aktif, menghubungkannya dengan maklumat terdahulu yang telah diasimilasinya, dan menjadikan maklumat itu miliknya dengan membina kefahaman atau membuat interpretasi ke atas maklumat (Cheek, 1992, dalam Khadijah, Mahani & Ramlah, 2002). Menurut Dewey (1966), pembelajaran bermakna (*meaningful learning*) melibatkan "belajar dengan membuat" (*learning by doing*), yang dapat membantu murid berfikir dan membentuk kefahaman tentang masalah yang cuba dihuraikan.

Pengajaran dan pembelajaran menggunakan teori konstruktivisme boleh dilaksanakan berdasarkan prinsip-prinsip berikut (Khadijah, Mahani & Ramlah, 2002).

- Memberi peluang kepada pelajar mengemukakan pandangan tentang sesuatu konsep.
- Memberi peluang kepada pelajar berkongsi persepsi antara satu sama lain.
- Menggalakkan pelajar menghormati pandangan alternatif rakan mereka.
- Menghormati semua pandangan pelajar dan tidak memandang rendah terhadap pandangan mereka.
- Melaksanakan pengajaran berpusatkan pelajar.
- Menyediakan aktiviti-aktiviti berbentuk "hands on" dan "minds on".
- Mementingkan kemahiran saintifik dan kemahiran berfikir di kalangan pelajar.
- Menggalakkan pelajar merenung kembali proses pembelajaran yang dilaluinya.
- Meminta pelajar menghubungkait idea asal dengan idea yang baru dibina.
- Menggalakkan pelajar mengemukakan hipotesis.

- Tidak menyampaikan maklumat secara terus kepada pelajar.
- Memberi peluang pelajar berinteraksi dengan guru dan pelajar-pelajar lain.
- Memberi perhatian kepada keperluan, kebolehan dan minat pelajar.
- Menggalakkan pelajar bekerja dalam kumpulan.

Justeru, pendekatan pembelajaran kemahiran membaca menerusi lagu dan muzik berasaskan komputer akan mengambil kira prinsip-prinsip tersebut.

## 7.0 Kesimpulan

Sehingga kini masih belum ada lagi kajian dan penggunaan pendekatan pembelajaran menerusi lagu dan muzik berasaskan komputer terhadap pembelajaran kemahiran membaca bagi murid Tahun Satu di negara ini. Jika pendekatan ini didapati berkesan, maka kaedah ini boleh dijadikan salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang boleh digunakan secara berterusan dalam mengajar kemahiran membaca.

## Rujukan

- Allen, D. (2007). *Improving Language Acquisition Skills for English Language Learners With Music Instruction. An Action Research Project.* Shawnee Mission Board of Education.
- Azman Bin Kanil. (2000). "Keberkesanan Kaedah Kuliah dalam Pengajaran dan Pembelajaran." Sabah: Jabatan Ilmu Pendidikan, Maktab Perguruan Keningau.
- Bernama.com (28 November 2006). 90 Peratus Murid Berjaya Kuasai Kemahiran 2M.
- Blair, G. M., Jones, R. S. & Simpson, R. H. (1991). *Psikologi Pendidikan.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Borich, G. D. & Tombari, M. L. (1997). 2<sup>nd</sup> Edition. *Educational Psychology: A Contemporary Approach.* New York / London : Merrill Publisher.
- Butzlaff, R. (2000). Can music be used to teach reading? *Journal of Aesthetic Education*, **34**(3-4), 167-78
- Catts, H., Fey, M., Tomblin, J. B., & Zhang, X. (2002). A Longitudinal Investigation of Reading Outcomes in Children with Language Impairments. *Journal of Speech, Language and Hearing Research*, **45**(6), 1142 - 1157.
- Charlie Anak Ungang (2008). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kemahiran Asas Membaca di Kelas Pemulihan: Kajian Kes di Lima Buah Sekolah Daerah Serian. Jabatan Kajian Sosial. *Jurnal Penyelidikan IPBL, Jilid 8, 2008.*
- Colwell, C. M. (1994). Therapeutic Applications of Music in the Whole Language Kindergarten. *Journal of Music Therapy*, **31**(4), 238–247.
- Cracolice, M.S. & Abraham, M.R. (1996). "Computer-Assisted, Semi-Programmed, and Teaching Assistant-Led Instruction in General Chemistry." *School Science & Mathematics*. **96**(4). 215-231.
- Dewey, J. (1966a) *John Dewey Selected Educational Writings.* Edited by Garforth, F.A. London. Heinemann Educational Books Ltd.
- Droscher, E. (2006). The Benefits of Music Education To Children.  
<http://creativekidonline.com/library/HowMusicEducationBenefitsChildren.pdf>.

- Elisabeth Marsaulina Matondang (2005). Menumbuhkan Minat Belajar Bahasa Inggeris Anak Usia Dini Melalui Music and Movement (Gerak dan Lagu). *Jurnal Pendidikan Penabur - No.05/ Th.IV/ Desember 2005*.
- Faridah Serajul Haq. (2001). "Kepentingan Penggunaan Teknologi Komputer untuk Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar-pelajar Bermasalah Pembelajaran." dalam *Konvensyen Kepelembagaan dalam Teknologi Instruksional: Isu dan Cabaran. Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia (PTPM) 2001*.
- Friedler, Y., Nachmias, R. & Songer, N.B. (1989). "Teaching Scientific Reasoning Skills: A Case Study of a Microcomputer-Based Curriculum." *School Science and Mathematics*. **89**(1). 58-67.
- Fuchs, L. S. & Allinder, R.M. (1993). "Computer Applications in the Schools for Students with Mild Disabilities: Computer Assisted Instruction & Computer-Managed Instruction." dalam R. A. Gable & S.F. Warren (Pnyt). "Strategies for Teaching Students with Mild to Severe Mental Retardation." London: Jessica Kingsley. 49-70.
- Gipe, J. (2002). *Multiple Paths to Literacy: Classroom Techniques for Struggling Readers*. Merrill, Prentice Hall.
- Hansen, D. Bernstorff, E., & Stuber, G. M. (2004). Linking Music Learning to Reading Instruction. *Music Educators Journal*, **88**(5). 17- 21.
- Howell, 1971; Hess & Tenezakis, 1973; Papert, 1980; Hannafin, 1984; Menis, 1987; Ellington & Race, 1993 dalam Baharuddin bin Aris, Mohd Salleh bin Abu, Ellington, H. I. & Dhamotharan, M. (1998). "Producing Interactive Multimedia Courseware for Information Technology in Education: An Initiative at Universiti Teknologi Malaysia." *Journal of Instruction Delivery Systems*. Summer. 31-37.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1998). *Pekeliling KP/JPK/BPKPK/03/03/1(43)*. Jabatan Pendidikan Khas. Damansara. Kuala Lumpur.
- Khadijah Rohani Mohd. Yunus, Mahani Razali & Ramlah Jantan. (2007). *Psikologi Pendidikan*. Selangor: Meteor Doc. Sdn. Bhd.
- Krashen, S. (1982). *Principles and Practice in Second Language Acquisition in the Classroom*. Oxford: Pergamon Press.
- Lamb, Susannah, J. & Gregory, Andrew, H. (1993). The Relationship between Music And Reading in Beginning Readers. *Educational Psychology*, **13**(1), 19-26.
- Law, J., Boyle, J., Harris, F., Harkness, A., & Nye, C. (1998). Screening for Speech and Language Delay: A Systematic Review of the Literature (Vol. 2). *Health Technology Assessment 1998; Vol.2, No.9. (Executive Summary)*
- Lazaroqitz, R. & Huppert, J. (1993). "Science Process Skills of 10th – Grade Biologi Students in A Computer-Assisted Learning Setting." *Journal of Research on Computing in Education*. **25**(3). 367-381.
- Lewis, B., & Freebairn, L. (1992). Residual Effects of Preschool Phonology Disorders in Grade School, Adolescence, and Adulthood. *Journal of Speech and Hearing Research*, **35**, 819-931.
- Meran Abu Bakar. (2006). *Cepat Membaca Guna Teknik I-Sina*. Utusan Malaysia.
- Md. Fuzi, Abd. Lateh. (2007). KIA2M Perangi Keciciran Ilmu. [www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my) (Sabtu, 12 Mei 2007)
- Okolo, C.M., Bahr, C.M. & Reith, H.J. (1993). "A Retrospective View of Computer-Based Instruction." *Journal of Special Education Technology*. **12**(1). 1-27.
- Phua, K.K., Ramasamy, A. & Ang, B.S. (1998). "Pengajaran-Pembelajaran Berasaskan Komputer dan Penggunaan Teknologi Multimedia Berinteraksi untuk Peningkatan Kualiti Pengajaran bagi Pelajar Perubatan Tahun Kelima di Pusat Pengajian Sains Perubatan." dalam *Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke XI*,

- 1998, Universiti Sains Malaysia. Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia, Kelantan.
- Register, D. (2001). The Effects of an Early Intervention Music Curriculum on Pre-reading/writing. *Journal of Music Therapy*, **38**(3), 239–248.
- Rogers, L. & Wild, P. (1996). “Data-Logging: Effects on Practical Science.” *Journal of Computer Assisted Learning*. **12**, 130-145.
- Roth, F., Speece, D., & Cooper, C. (2002). A Longitudinal Analysis of the Connection between Oral Language and Early Reading. *The Journal of Education Research*, **95**(5), 259-274.
- Roziha Binti Abd Hamid. (2005). Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid-murid Tahun 1 Dengan Latih-tubi Menggunakan Suku Kata Dan Gambar. Pahang Darul Makmur. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPBA 2005.
- Salcedo, C. S. (2002). The Effects of Songs In The Foreign Language Classroom on Text Recall and Involuntary Mental Rehearsal. Phd Dessertation. Louisiana State University.
- Schon, D., Moreno, S., & Besson, M. (2007). Songs as an Aid for Language Acquisition. Canada: Universite de Montreal.
- Sheldon, W. D. & Carillo, L. (1952). Relation of Parents, Home and Certain Developmental Characteristics to Children’s Reading Ability. *Journal of Elementary Education*, Jilid 52, hlm. 262-276.
- Snowling, M., Bishop, D., & Stothard, S. (2000). Is Preschool Language Impairment a Risk Factor for Dyslexia in Adolescence? *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, **41**(597-600).
- Standley, J., & Hughes, J. (1997). Evaluation of an Early Intervention Music Curriculum for Enhancing Pre-reading/writing Skills. *Music Therapy Perspectives*, **15**, 79–86
- Tan Siew Tee & Shi Soi Fah. (2005). Use of Songs In the Teaching of Lifeskills Modules. Ite Teachers’ Conference 2005.
- U. S. Department of Education. (1998). Office of Educational Research and Improvement. National Center for Education Statistics. *The NAEP 1998 Reading State Report for Georgia*, NCES 1999-460 GA, by N. Ballator, and L. Jerry. Washington, DC: 1999. Retrieved September 14, 2002, from <http://nces.ed.gov/nationsreportcard/pdf/stt1998/99460GA.pdf>
- Utusan Makaysia. (2006). *Murid-murid Tingkatan Satu Tak Boleh Membaca*. Oktober. Hal. 8.
- Westwood, P. (2001). *Reading and Learning Difficulties: Approaches to Teaching and Assessment*. Camberwell, Victoria: Australian Council for Educational Research Ltd.
- Zainora Binti Mohd @ Man. (2005). Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid Tahun 5 Melalui Latih Tubi Bacaan Menggunakan Kad Suku Kata. Pahang. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPBA 2005.



## **PENILAIAN PERISIAN MULTIMEDIA SEJARAH BERASASKAN PENDEKATAN PENCERITAAN DIGITAL DAN KESANNYA TERHADAP PELAJAR**

*Abd Malek Samsuri, Institut Aminuddin Baki  
Dr. Jamaluddin Harun, Universiti Teknologi Malaysia*

### **Abstrak**

*Matlamat pendidikan sejarah bertujuan untuk memupuk dan memperkukuhkan identiti diri sebagai warganegara Malaysia. Untuk melahirkan warganegara Malaysia yang mempunyai unsure patriotisme memerlukan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Penyelidik telah membuat kajian mengenai pandangan pelajar terhadap mata pelajaran sejarah. Hasil kajian itu didapati pelajar kurang berminat untuk mempelajari mata pelajaran sejarah kerana guru kurang menggunakan alat Bantu mengajar yang berkesan. Disamping itu, guru menggunakan kaedah pengajaran secara kuliah dan buku teks sahaja. Pada masa sekarang, kemajuan teknologi komputer terutamanya teknologi multimedia telah menjadi satu faktor yang mempengaruhi peembaharuan yang pesat dalam dunia pendidikan. Oleh itu, kaedah teknik penceritaan secara digital telah diperkenalkan dalam mata pelajaran sejarah. Keupayaan teknik penceritaan secara digital untuk meningkatkan minat, motivasi dan pembelajaran secara mendalam para pelajar dalam mempelajari mata pelajaran sejarah. Melalui teknik penceritaan secara digital mampu meningkatkan semangat cintakan tanah air dan semangat jati diri.*

### **1.0 Pengenalan**

Mata pelajaran Sejarah didalam KBSM merupakan mata pelajaran teras bagi kedua-dua peringkat sekolah Menengah Rendah (SMR) dan Sekolah Menengah Atas (SMA) yang dipelajari terus menerus selama lima tahun oleh semua pelajar. Oleh itu kurikulum Sejarah pada peringkat sekolah menengah rendah mestilah ada sinambungannya pada peringkat sekolah menengah atas supaya asas-asas pengetahuan, nilai-nilai murni, kemahiran belajar dan pengalaman yang diperolehi dapat diperkukuhkan dan di perembangkan lagi.

Mata pelajaran Sejarah mempunyai peranan utama bagi menyuburkan dan menanam nilai-nilai penting terutama tentang nilai Sejarah dalam kehidupan pelajar. Melalui pendidikan Sejarah, nilai-nilai seperti moral boleh disuburkan untuk membentuk warganegara Malaysia yang prihatin tentang Sejarah bangsa dan negara mereka.

Matlamat pendidikan Sejarah bertujuan untuk memupuk dan memperkukuhkan identiti diri sebagai warganegara Malaysia dan juga wargadunia. Melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah negara Malaysia dan Sejarah Peradaban Manusia, para pelajar akan dapat memahami keadaan masyarakat dan negara serta hubungannya dengan Sejarah dunia dalam usaha mewujudkan perasaan bangga dan cinta akan tanah air, semangat kekitaan dan perpaduan dan persefahaman antarabangsa.

Pendekatan pengajaran tradisional dan mata pelajaran penggunaan alat Bantu mengajar sejarah yang ketinggalan zaman didapati kurang berkesan. Cara pengajaran guru bergantung kepada kapur dan papan hitam (chalk and talk). Pengajaran berpusat kepada guru. Para pelajar tidak memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah. Mereka Cuma dikehendaki mendengar atau menyalin nota yang dicatatkan oleh guru di papan hitam. Corak pengajaran sehalu yang datangnya dari guru ini tidak memberi peluang berinteraksi pelajar dengan guru. Kesulitan-kesulitan pembelajaran seperti kesukaran memahami konsep-konsep tidak dapat diatasi oleh pelajar terutama bagi pelajar-pelajar yang mempunyai daya intelek yang rendah. Disamping itu telah memberi kesan yang kurang baik tentang kemampuan pelajar kerana ia tidak bersifat kreatif dan inovasi. Kaedah ini telah menjadi rutin dan diterima pakai oleh guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah. Abd Rahim Rashid 1989, menyatakan guru Sejarah banyak kali bercerita dan memberi maklumat dan para pelajar menerima maklumat. Suasana dan situasi pengajaran yang membosankan ini menyebabkan pelajar kehilangan minat dan tersalah anggap bahawa sejarah se bagai mata pelajaran yang kurang menarik dan kurang penting.

Menurut Omar (2008) keberkesanan pengajaran mata pelajaran sejarah bergantung kepada guru kerana pada peringkat ini, pelajar lebih mudah bosan terutama jika hanya menyalin nota dan membaca. Beliau mencadangkan teknik penceritaan kisah sejarah adalah cara paling sesuai dan guru harus memainkan peranan berinteraksi dengan murid serta menjadikan ia mata pelajaran yang menyeronokkan.

Teknik penceritaan digital untuk mata pelajaran sejarah secara multimedia adalah gabungan antara grafik, teks, animasi, video dan bunyi. Interaksi ini akan membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid lebih efektif (Jamalludin, 2003). Teknik penceritaan digital menggunakan model Keller (1983) yang berasaskan kepada ARCS. ARCS adalah singkatan untuk Attention (perhatian), Relevance (Kesesuaian), Confidence (Keyakinan) dan Satisfaction (Kepuasan). Penggunaan analogi, suara latar, warna pada grafik, humor, simulasi atau permainan yang melibatkan interaktiviti yang untuk menerangkan konsep dan jalan cerita yang terdapat dalam perisian boleh digunakan untuk menarik perhatian para pelajar.

Pemmasalahan tentang kurang minat sejarah bukanlah perkara baru dan jalan penyelesaian agak sukar. Ini dapat dilihat daripada kajian yang dijalankan oleh Rohana Zubir (1987) yang menyatakan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah dianggap sebagai 'the dead man of curriculum'. Beliau turut menyatakan

*The learning of history has long been considered crucial to the development of society that is self-reliant, able to think critically and intellectually and one and one that upholds ethical values, tolerance and nationalistic feeling.*

(Rohana Zubir 1987)

Kesannya para pelajar merasa bahawa pembelajaran sejarah sesuatu yang mati dan tidak dapat memahami sejarah.

## 2.0 Penyataan Masalah

Mengikut Nichol (1984), Moore (1989), Khoo Kay Kim(1992) mengajar sejarah adalah tugas yang mencabar dan penting untuk guru meningkatkan intelektual, kematangan dan literasi budaya di kalangan pelajar. Sayangnya mata pelajaran Sejarah yang berperanan untuk meningkatkan intelektual, kematangan dan literasi budaya didapati sesuatu yang membosankan (Rahim Selamat 1998). Mata pelajaran sejarah sering dianggap sebagai mata pelajaran yang membosankan, perlu banyak menghafal serta mengingat fakta, nama-nama tokoh, tarikh dan seumpamanya. Ini kerana mata pelajaran tersebut cuma berkaitan dengan perkara-perkara yang lepas dan tidak dapat menarik perhatian para pelajar (Weiner 1995) . Masalah kebosanan pelajar di dalam mata pelajaran sejarah telah ditimbulkan sejak tahun 1968 lagi dan masih tidak dapat di atasi (School Council 1968). Bryant(1972) dalam laporan kajiannya tentang P&P sejarah mendapati bahawa mata pelajaran sejarah tidak popular di sekolah. Haward dan Mendenhall (1982) pula menyatakan bahawa mata pelajaran sejarah kini telah hilang kedudukannya dalam kurikulum. . Kajian yang dijalankan oleh Rohana Zubir (1987) didapati bahawa sikap pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah dianggap sebagai 'the dead man of curriculum'. Kesannya ramai pelajar kurang berminat belajar mata pelajaran sejarah. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1985 mendapati bahawa 92% guru di Malaysia masih mengamalkan kaedah pengajaran secara kuliah. Pengajaran secara kuliah yang menyebabkan pelajar hilang tumpuan dan seterusnya bosan. Mengikut Hazri Jamil (2003) kegagalan guru menyampaikan pengajaran sejarah secara berkesan adalah disebabkan pelbagai faktor. Antara faktor utama ialah kurangnya menggunakan alat bantu mengajar dan teknologi pendidikan. Kajian-kajian lalu menunjukkan guru-guru kurang menggunakan alat teknologi pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah. Kajian Fatimah (1980), (Institut Bahasa , 1989). Kajian Fonseka (1987), Abd. Malek (1997) turut melaporkan guru-guru sangat kurang menggunakan alat teknologi pendidikan.

Pengajaran sejarah yang hanya mementingkan penghafalan fakta tanpa melibatkan tindak balas pemikiran akan mengagalkan tujuan pendidikan sejarah itu sendiri bagi memperkembangkan daya pemikiran pelajar yang kritis. Menurut Wineburg (2001), aspek paling utama pengajaran sejarah adalah memahami makna sesuatu peristiwa masa lampau yang dikaji, selain hanya mempelajari mengenai nama, tarikh dan cerita yang berlaku Oleh yang demikian, guru juga perlu menekankan aspek-aspek imaginasi dan empti seupaya dapat menghidupkan faktor-faktor sejarah dan mengubah pengetahuan sejarah kepada pemahaman sejarah dengan melalui penggunaan alat bantu mengajar yang berkesan.

Kaedah pengajaran yang berkonsepkan 'chalk and talk' di dapati kurang berkesan pada kebanyakan situasi pengajaran dan pembelajaran di bilik kelas (Abdul Jasheer & Merza, 2004). Menurut Dwyer, (1978), Ashwin, (2004), penerangan secara lisan dalam kaedah pembelajaran tradisi juga sering gagal menyampaikan sesuatu maklumat visual secara tepat terutama dalam pengajaran pembelajaran sejarah. Oleh itu, guru sejarah perlu menggunakan alat bantu mengajar yang berkesan kerana pengajaran sejarah merupakan satu gabungan yang melibatkan imaginasi, ingatan, perasaan dan pengetahuan sejarah berasaskan idea dan konsep yang tertentu, pengetahuan, pemahaman, imaginasi dan ingatan dalam pembelajaran sejarah dapat menginterpretasikan semua peristiwa yang lalu kepada suatu pemahaman yang boleh dipercayai dan menghubungkan jalinan peristiwa tertentu. Sekiranya pelajar tidak memberi tumpuan dan konsentrasi terhadap apa yang diajar, mereka tidak akan mendapat sebarang manfaat darinya . Mengikut Brown (1977) mendapati secara

puratanya hanya 50% maklumat yang diterima secara lisan dapat diserap di dalam memori seseorang dan selepas dua bulan, mereka tidak akan mampu mengingat semula walaupun separuh daripada maklumat tersebut.

Kajian yang dijalankan oleh Johnson & Johnson (1987), Hadiah Senin (1997), Hariyono (1995) dan Aini Hassan (1991), guru menjadi '*a mere uncritical mouth piece of what is contained in the text book*'. Mereka kurang yakin dan tidak terlatih menggunakan media pengajaran dalam mata pelajaran Sejarah. Penggunaan pelbagai alat dan bahan di bilik darjah semakin kurang diamalkan (Asiah Abu Samah, 1992). Awang Had Salleh (1985), laporan Jemaah Nazir, (1987), Mat Jizat Abdol (1995) menyatakan terdapat semacam keengganan, ketidakupayaan dan 'inertia' di kalangan kebanyakan guru dalam menggunakan teknologi pendidikan. Mata pelajaran Sejarah kurang menumpukan pada penggunaan teknologi multimedia dalam pengajaran berbentuk video, animasi dan grafik yang menarik akan dapat meningkatkan minat dan kefahaman pelajar-pelajar seperti deria penglihatan, pendengaran dan deria sentuhan akan dapat meningkatkan minat dan kefahaman pelajar serta mewujudkan suasana pembelajaran yang seronok, mencabar, meningkatkan motivasi dan menggembirakan kepada pelajar. Pada hari ini sungguh pun inovasi teknologi seperti penggunaan perkakasan komputer, perisian, CD ROM dan internet dalam pendidikan telah berluasa digunakan namun mata pelajaran Sejarah masih belum mendapat tempat yang sewajarnya dalam perkembangan inovasi dan pembaharuan yang berlaku di sekolah-sekolah. Kekurangan ini mendorong pengkaji berhasrat untuk mengkaji dan membangunkan perisian multimedia dalam mata pelajaran sejarah dengan mengambil kira pendekatan berasaskan penceritaan digital dan model motivasi ARCS serta melihat kesannya kepada guru dan para pelajar. Teknik penceritaan digital ini mengandungi sekurang-kurangnya dua elemen iaitu bunyi, imej grafik, text dan animasi yang beransurkan sejarah. Melalui teknik penceritaan digital bukan sahaja untuk menghiburkan pelajar tetapi untuk menolong pelajar belajar sejarah dan mengembangkan daya ingatan pelajar untuk memlalui imej, grafik, imaginasi dan peristiwa yang telah berlalu.

### 3.0 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif penting yang ingin dicapai, iaitu:

- i. Menenalpasti pendapat pelajar mengenai mata pelajaran Sejarah daripada aspek:
  - a. Minat terhadap matapelajaran
  - b. Kepentingan mata pelajaran
  - c. Kaedah pengajaran & pembelajaran
  - d. Peranan alat bantu mengajar.
- ii. Menenalpasti pendapat guru Sejarah mengenai bahan bantu mengajar mata pelajaran Sejarah daripada aspek:
  - a. Alat Bantu mengajar yang disediakan
  - b. Peranan alat bantu mengajar yang digunakan
  - c. Masalah semasa mengendalikan alat bantu mengajar
- iii. Mengkaji keberkesanan perisian multimedia sejarah yang dibangunkan daripada aspek-aspek yang berikut:
  - a. Motivasi untuk mempelajari mata pelajaran Sejarah.
  - b. Minat terhadap mata pelajaran Sejarah.
  - c. Bagaimana teknik penceritaan digital dengan model

motivasi ARCS mampu menyokong proses pembelajaran yang lebih mendalam (*deep learning*)

#### 4.0 Metodologi Kajian

Terdapat dua fasa kajian iaitu sebelum teknik penceritaan digital dilaksanakan dan selepas teknik penceritaan digital dilaksanakan. Sebelum teknik penceritaan digital dilaksanakan, penyelidik telah membuat penyelidikan secara soal selidik kepada dua ratus pelajar yang berkaitan dengan Minat terhadap matapelajaran, kepentingan mata pelajaran, kaedah pengajaran & pembelajaran dan peranan alat bantu mengajar. Begitu juga penyelidik membuat kajian secara soal selidik kepada tiga puluh guru di daerah yang sama yang mengajar mata pelajaran sejarah yang berkaitan dengan alat bantu mengajar yang disediakan, peranan alat bantu mengajar yang digunakan dan masalah semasa mengendalikan alat bantu mengajar.

Kajian ini menggunakan min untuk menentukan minat terhadap matapelajaran, kepentingan mata pelajaran, kaedah pengajaran & pembelajaran, peranan alat bantu mengajar, mengenalpasti pendapat guru Sejarah mengenai bahan bantu mengajar mata pelajaran Sejarah daripada aspek alat Bantu mengajar yang disediakan dan peranan alat bantu mengajar yang digunakan. Data kajian berbentuk deskriptif juga dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik, senarai semak dan temu bual yang disebarkan kepada para pelajar untuk mengenal pasti masalah mata pelajaran sejarah. Satu set soal selidik yang mengandungi lima bahagian digunakan untuk mengumpul data. Bahagian A mengandungi item item untuk mendapatkan maklumat demografi responden. Bahagian B bertujuan mengukur minat pelajar terhadap mata pelajaran sejarah. Bahagian C untuk mengukur kepentingan mata pelajaran Sejarah dan Bahagian D adalah kaedah pengajaran & pembelajaran mata pelajaran Sejarah serta bahagian E untuk mengukur peranan alat Bantu mengajar dalam mata pelajaran Sejarah.

Fasa kedua pula, selepas perisian teknik penceritaan digital dilaksanakan kepada 60 sampel di pilih secara rawak. Mengkaji keberkesanan perisian teknik penceritaan multimedia sejarah yang dibangunkan daripada aspek-aspek pencapaian dalam ujian, motivasi untuk mempelajari mata pelajaran Sejarah dan minat terhadap mata pelajaran Sejarah. Penyelidik juga mengkaji bagaimana teknik penceritaan digital dengan model motivasi ARCS mampu menyokong proses pembelajaran yang lebih mendalam (*deep learning*) dalam mata pelajaran sejarah.

#### 5.0 Dapatan Kajian

##### 5.1 Pendapat pelajar mengenai mata pelajaran sejarah

Pendapat pelajar mengenai mata pelajaran Sejarah dalam konteks yang dinyatakan, data kuantitatif yang telah diperoleh dianalisis secara deskriptif berdasarkan min setiap

item dan juga min mengikut empat konstruk setuju. Data yang telah dianalisis kemudiannya dipersembahkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Min pendapat pelajar mengikut konstruk

Kategori	Konstruk minat, kepentingan, kaedah pengajaran & Pembelajaran dan peranan alat Bantu	Min.	Sisihan Piawai
A	Minat terhadap mata pelajaran Sejarah	3.72	0.83
B	Kepentingan mata pelajaran Sejarah	3.97	1.07
C	Kaedah pengajaran & pembelajaran mata pelajaran Sejarah	3.86	0.86
D	Peranan alat Bantu mengajar dalam mata pelajaran Sejarah	4.05	0.97
Keseluruhan		3.9	0.93

Jadual di atas menjelaskan analisis taburan min keseluruhan penilaian responden terhadap minat, kepentingan, kaedah pengajaran pembelajaran dan peranan alat Bantu mengajar. Didapati min peranan alat Bantu mengajar dalam mata pelajaran sejarah adalah tertinggi iaitu 4.05. Analisis ini menunjukkan min keseluruhannya ialah 3.9 dan sisihan piawai sebanyak 0.93. Melalui dapatan min keseluruhan di atas, menunjukkan minat terhadap mata pelajaran sejarah adalah sederhana iaitu 3.72. Ini disokong dengan kajian Rahim (1998), Weiner (1995), School Council (1968) dan Bryant (1972) mendapati bahawa mata pelajaran sejarah tidak popular di sekolah. Ia diakui Prof. Zainal (Utusan Malaysia 24.Sept. 2008) berkata "semakin ramai pelajar sekolah menengah kita yang sudah tidak berminat mempelajari dan mengetahui mengenai sejarah tanah air. Pelajar sains misalnya, tidakminat langsung dan ada yang tidak berpeluang untuk belajar sejarah.

## 5.2 Pendapat guru mengenai mata pelajaran sejarah

Bagi mendapatkan data berkaitan dengan pendapat guru mengenai mata pelajaran Sejarah dalam konteks yang dinyatakan, data kuantitatif yang telah diperolehi dianalisis secara deskriptif berdasarkan min setiap item dan juga min mengikut tiga konstruk setuju. Data yang dianalisis kemudiannya dipersembahkan seperti dibawah.

**Jadual 2** Min pendapat guru mengikut Konstruk

Kategori	Konstruk alat Bantu, peranan alat Bantu dan masalah	Min.	Sisihan Piawai
A	Alat Bantu mengajar yang digunakan	1.32	0.30
B	Peranan alat Bantu mengajar yang digunakan	3.39	0.77
C	Masalah –masalah yang dihadapi guru sejarah	3.94	0.85
Keseluruhan		2.88	0.64

Jadual di atas menjelaskan analisis taburan min keseluruhan bagi penilaian responden guru terhadap konstruk alat Bantu, peranan alat bantu dan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru. Didapati min masalah yang dihadapi guru sejarah merupakan yang tertinggi berbanding yang lain dengan nilai sebanyak 3.94, Nilai min keseluruhannya ialah 2.88 manakala sisihan piawai adalah 0.64. Berdasarkan skor nilai min ini menunjukkan bahawa tahap penggunaan alat Bantu mengajar yang digunakan masih lagi rendah. Dapatan tersebut mempunyai persamaan dengan kajian-kajian penggunaan alat Bantu mengajar seperti yang dijalankan oleh Fatimah (1980), Institut Bahasa (1989), Kajian Fonseka (1987), Abd Malek (1997) turut melaporkan guru sangat kurang menggunakan alat Bantu mengajar. Berdasarkan kajian Abdul Rahim (1985) selari dengan hasil keputusan data di atas yang merumuskan terdapat pelbagai masalah dalam pengajaran sejarah, kekurangan guru, tiada latihan, kurang minat serta tiada usaha daripada guru-guru sejarah ke arah mewujudkan pengajaran sejarah. Kajian tentang guru yang berkaitan dengan mata pelajaran sejarah di sokong oleh Rohana (1988) iaitu pengajaran sejarah kurang terancang dan tidak selaras dari segi objektif, isi, kaedah, teknik, media pengajaran dan penilaian. Pengajaran lebih berpusat kepada guru, buku teks dan buku panduan serta melibatkan pengajarakurang melibatkan pelajar sama ada di dalam atau di luar bilik darjah, tidak relecan serta tidak melibatkan perinsip penting pengajaran dan pembelajaran.

### 5.3 Motivasi pelajar terhadap mata pelajaran sejarah selepas penggunaan perisian teknik penceritaan digital multimedia

**Jadual 3** Min motivasi kesan penggunaan perisian teknik penceritaan digital multimedia Sejarah

Bil		Min	SD
1	Penggunaan gambar berunsur sejarah dapat meningkatkan motivasi saya.	4.43	0.72
2	Penggunaan penceritaan digital dapat meningkatkan motivasi saya.	4.38	0.64
3	Penyampaian menggunakan suara latar dalam menerangkan sesuatu peristiwa dapat meningkatkan keyakinan pelajar dalam mempelajari sejarah.	4.41	0.69
4	Penggunaan perisian sejarah dengan laman web yang dihubungkan dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk mempelajari Sejarah dengan lebih mendalam.	5.0	5.16
5	Penggunaan uji minda dapat meningkatkan motivasi di kalangan saya	4.35	0.60
6	Penggunaan latihan tubi dapat mendorong saya mempelajari sejarah.	4.10	0.51
7	Kata-kata pujian selepas menjawab betul dalam latihan tubi dapat meningkatkan motivasi saya	4.11	0.55
8	Latihan tubi yang disediakan pada akhir setiap tajuk sejarah dapat mengukuhkan mempelajari Sejarah	4.30	0.59
9	Penggunaan carta-carta yang berkaitan dengan mata pelajaran Sejarah dapat meningkatkan pengetahuan saya mempelajari sejarah dengan lebih baik.	4.25	0.67
10	Penggunaan video mengenai sejarah dapat mendorong saya	4.00	0.66

	mempelajari sejarah.		
11	Penggunaan rajah yang berkaitan dengan sejarah dapat meningkatkan kefahaman saya mempelajari dengan lebih baik	4.15	0.68
12	Dialog-dialog yang dituturkan dalam watak-watak yang dimainkan dalam perisian dapat meningkatkan motivasi saya	3.95	0.67
13	Penggunaan ilustrasi dalam perisian tersebut yang berkaitan dengan sejarah telah meningkatkan penggunaan terhadap mata pelajaran sejarah.	4.28	0.76
14	Penggunaan info dalam perisian sejarah dapat mengukuhkan kefahaman saya semasa mempelajari terhadap mata pelajaran Sejarah.	4.30	0.69
15	Penggunaan Kemahiran Berfikir (KBKK) telah dapat membantu pelajar membuat mengaplikasi dalam mata pelajaran Sejarah	4.28	0.76
Keseluruhan		4.28	0.95

Berdasarkan dapatan ini juga memperlihatkan tahap motivasi pelajar terhadap mata pelajaran sejarah selepas penggunaan perisian teknik penceritaan digital multimedia adalah tinggi. Ia meliputi motivasi dari sudut penggunaan gambar (min 4.43), teknik penceritaan (min 4.38), penyampaian menggunakan suara latar (min 4.41). Disamping itu, penggunaan laman web (min 5.0), penggunaan uji minda (min 4.35), penggunaan latihan tubi (min 4.10), Kata-kata pujian selepas menjawab dalam latihan tubi (min 4.11), penggunaan video (min 4.0) Dapatan tersebut mempunyai persamaan dengan kajian-kajian penggunaan Hasimah dan Rafie (1994) mengenai penggunaan multimedia dapat meningkatkan motivasi pelajar. Kajian oleh Roblyer (1985), Stewart (1994) mendapati penggunaan komputer telah dapat meningkatkan potensi pembelajaran pelajar. Ini selaras kajian yang dibuat oleh Rossafri (2007) impak multimedia ke atas mata pelajaran Sejarah menyatakan pelajar berasa seronok menggunakan bahan multimedia, pelajar mula meningkatkan minatnya terhadap mata pelajaran dan penggunaan muzik latar membangkitkan motivasi pelajar.

#### 5.4 Minat terhadap mata pelajaran Sejarah

**Jadual 4** Min minat kesan penggunaan perisian multimedia Sejarah

Bil	Item minat kesan penggunaan perisian multimedia sejarah	Min.	SD
1	Penggunaan gambar berunsur sejarah dapat meningkatkan minat saya	4.48	0.65
2	Penggunaan penceritaan digital dapat meningkatkan minat saya.	4.25	0.57
3	Penyampaian menggunakan suara latar dalam menerangkan sesuatu peristiwa dapat meningkatkan minat pelajar dalam mempelajari sejarah.	4.18	0.72
4	Penggunaan perisian sejarah dengan laman web yang dihubungkan dapat meningkatkan minat pelajar untuk mempelajari Sejarah dengan lebih mendalam.	4.03	0.63
5	Penggunaan video berkaitan dengan mata pelajaran sejarah dapat meningkatkan minat pelajar untuk mempelajari sejarah.	4.45	0.64
6	Penggunaan gambar berwarna telah menarik minat saya untuk	4.28	0.61



	mempelajari sejarah		
7	Penggunaan uji minda semasa perisian sejarah dapat menarik minat saya mempelajari sejarah.	4.35	0.70
8	Pemberian maklumat secara mendalam iaitu info telah membantu saya mempelajari sejarah.	4.26	0.70
9	Penggunaan ilustrasi dalam perisian tersebut telah berjaya menarik minat saya memahami sejarah.	4.08	0.80
10	Penggunaan carta dalam perisian tersebut telah berjaya meningkatkan minat saya mempelajari Sejarah	4.51	0.62
11	Penggunaan kemahiran berfikir (KBKK) telah berjaya menarik minat pelajar mempelajari Sejarah	4.21	0.73
12	Penggunaan latihan tubi dapat membantu menguatkan daya ingatan saya untuk mempelajari Sejarah.	4.50	0.59
	Keseluruhan	4.29	0.66

Paparan Jadual 4 di atas, menunjukkan analisis taburan min keseluruhan bagi penilaian responden terhadap minat pelajar selepas penggunaan perisian teknik penceritaan digital sejarah. Analisis ini menunjukkan min keseluruhannya ialah 4.29 dan sisihan piawai sebanyak 0.66. Melalui dapatan min keseluruhan di atas, menunjukkan tahap min pelajar selepas penggunaan perisian teknik penceritaan digital sejarah adalah tinggi. Berdasarkan skor min yang berkaitan dengan penggunaan video (min 4.45), penggunaan gambar berwarna (min 4.28), pemberi maklumat secara info (min 4.26) dan penggunaan carta (4.51) menunjukkan tahap minat pelajar mempelajari sejarah menggunakan teknik penceritaan digital adalah di tahap tinggi. Ini disokong oleh Chandhary (1975) dengan menggunakan gambar secara berkesan, dapat menarik minat para pelajar memahami mata pelajaran sejarah. Untuk mengingat kembali, penggunaan gambar lebih baik daripada teks. Gambar juga lebih baik daripada teks (Najjar, 1998) Ini disokong oleh kajian Paivio (1971), Clark & Paivio (1991) yang menyatakan penggunaan gambar dapat membantu pelajar membina hubungan kognitif antara maklumat verbal dan bergambar.

### 5.5 Analisis data teknik penceritaan digital dengan Model Motivasi ARCS mampu menyokong proses pembelajaran yang lebih mendalam (*deep learning*)

**Jadual 5** Min bagaimana teknik penceritaan digital dengan model motivasi ARCS mampu menyokong proses pembelajaran yang lebih mendalam (*deep learning*)

BIL	Item teknik penceritaan digital dengan model motivasi ARCS mampu menyokong proses pembelajaran yang lebih mendalam ( <i>deep learning</i> ).	Min	SD
1	Perisian sejarah yang digunakan mampu menanamkan semangat berkorban untuk negara.	3.70	0.76
2	Perisian sejarah yang digunakan mampu menanamkan taat setia kepada negara	4.11	0.69
3	Perisian sejarah yang digunakan mampu menanamkan unsur patriotisme iaitu bersyukur	4.30	0.76
4	Perisian sejarah yang digunakan mampu melahirkan unsur	3.90	0.89

	patriotisme iaitu berbangga menjadi rakyat Malaysia.		
5	Perisian sejarah yang digunakan mampu menanamkan semangat kepada diri pelajar iaitu kegigihan mengharumkan nama negara.	3.98	0.91
6	Perisian sejarah yang digunakan mampu melahirkan semangat kepada pelajar iaitu berani mempertahankan kedaulatan negara.	4.00	0.84
7	Perisian sejarah yang digunakan mampu meningkatkan kesetiaan rakyat penting bagi sesebuah negara.	4.15	0.73
8	Perisian sejarah yang digunakan mampu melahirkan perasaan bercita-cita untuk memajukan negara.	4.10	0.98
9	Perisian sejarah yang digunakan mampu meningkatkan semangat pelajar dalam aspek semangat kegigihan untuk membina negara bangsa.	3.8	0.91
10	Penggunaan perisian dalam proses P&P mampu melahirkan pelajar cintakan tanah air	3.90	1.05
11	Pengintegrasian perisian dalam proses P&P mampu membantu pelajar memiliki semangat nasionalisme	3.85	0.75
12	Penggunaan perisian dalam proses P&P mampu menghasilkan pelajar mempunyai semangat kekitaan	4.15	0.68
13	Penggunaan teknik penceritaan digital dengan model motivasi ARCS mampu menyokong proses pe, belajaran yang lebih mendalam telah menanamkan taat setia kepada negara	4.78	0.89
	Keseluruhan	4.05	0.85

Jadual di atas menjelaskan analisis taburan min keseluruhan bagi penilaian responden terhadap teknik penceritaan digital mampu menyokong proses pembelajaran yang lebih mendalam (Deep Learning) dalam mata pelajaran sejarah. Didapati min penggunaan teknik penceritaan digital menyokong proses pembelajaran yang lebih mendalam telah menanamkan taat setia kepada Negara merupakan yang tertinggi berbanding yang lain dengan nilai sebanyak 4.78. Nilai min keseluruhannya ialah 4.05, manakala sisihan piawai adalah 0.85. Berdasarkan skor nilai min ini, menunjukkan penggunaan teknik penceritaan digital mampu menyokong proses pembelajaran yang lebih mendalam daripada penilaian pelajar berada di tahap tinggi berdasarkan skor min yang telah ditetapkan. Ini di sokong oleh Pakar sejarah Prof. Emeritus Tan Sri Dr Kho Kay Kim (2008) dilaporkan berkata, teknik pembelajaran mata pelajaran Sejarah perlu lebih menarik dan ringkas supaya ia diminati generasi muda, sekali gus mendalami sejarah Negara dan bukan hanya untuk lulus peperiksaan. Dapatan ini disokong pula oleh sarjit Singh Gill (2008) keberkesanan mata pelajaran sejarah untuk melahirkan murid yang memahami aspek kemasyarakatan. Katanya, keberkesanan akan dapat dicapai jika pengisian mata pelajaran itu diperkenalkan dengan pendekatan moden serta fleksibel mencakupi aspek identity masyarakat, kebudayaan, perayaan, pantang larang semua kaum termasuk minority seperti orang asli. Penggunaan teknik penceritaan digital dengan model motivasi ARCS mampu menyokong proses pe, belajaran yang lebih mendalam (Deep Learning) dengan nilai min keseluruhan iaitu 4.05. Teknik penceritaan digital mampu menyokong proses pembelajaran yang lebih mendalam (deep learning) dalam aspek

- a. menanamkan semangat berkorban untuk Negara
- b. menanamkan taat setia kepada Negara
- c. menanamkan unsur patriotisme iaitu bersyukur

- d. berbangga menjadi rakyat Malaysia
- e. kegigihan mengharumkan nama Negara
- f. semangat kegigihan untuk membina Negara bangsa
- g. melahirkan pelajar cintakan tanah air

## 6.0 Rumusan

Secara ringkasnya, berdasarkan persepsi pelajar, sebelum menggunakan teknik penceritaan digital, minat para pelajar terhadap mata pelajaran sejarah adalah sederhana. Ini kerana kaedah, alat Bantu yang digunakan guru adalah kurang berkesan. Ini diikuti pula penggunaan alat bantu mengajar yang digunakan guru dengan min yang rendah 1.32 telah menyumbang kepada pelajar tidak berminat untuk mempelajari sejarah. Selepas menggunakan perisian teknik penceritaan digital, motivasi para pelajar mempelajari mata pelajaran sejarah. Malah mereka amat berminat untuk mempelajari mata pelajaran sejarah. Ini kerana teknik penceritaan telah mengabungkan unsur-unsur multimedia seperti teks, bunyi, visual, grafik berwarna, video dan lain-lain yang berkaitan dengan pendegaaran dan penglihatan seterusnya diproses oleh pemikiran untuk membentuk satu maklumat yang bermakna. Disamping itu, pengajaran teknik penceritaan secara digital telah dapat menyokong proses pembelajaran lebih mendalam (deep Learning) dengan lahirnya rasa patriotisme untuk Negara, semangat berkorban untuk Negara, menanamkan taat setia kepada Negara dan sebagainya dikalangan para pelajar.

## Rujukan

- Abdul Rahim Ahmad (1983) Tanggapan guru dalam perancangan dan pelaksanaan kurikulum sejarah. Tesis M. Ed. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya (Tidak diterbitkan).
- Abd Rahim Abdul Rashid. (1989) Strategi Pengajaran Sejarah KBSM. Fajar bakti, Kuala Lumpur.
- Abu Bakar Ismail (1990). Kesan Dua Pendekatan Pengajaran Sejarah di Tingkatan Enam.
- Adnan Kamis. (1985 & 1986). Pertalian antara Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran dan Kaitanya dengan Pencapaian Akademik. Jurnal Pendidikan 10 & 11.
- Ahmad Rizal Madar (2007), Keupayaan Visualisasi pelajar melalui erisian animasi grafik. Convention, Proceedings.
- Ahmad Talib (1994). Penyediaan Guru Untuk Melaksanakan KBSM: Satu Tinjauan di beberapa Sekolah di Negeri Sembilan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Badriyah Salleh (1989/1990). Pembelajaran Sejarah di Institusi Pengajian Tinggi. Pendidik dan pendidikan 10.9 – 17.
- Baldwin, E. (1807) . History of England. London. .
- Brown S., & Mc Intyre. D. (1993) Making Sense of Teaching. Usa. Open Unversit Press.
- Fines, J. (1969). History. London.
- Fox, Gerovese. E. (1979). The Crisis of Our Culture and The Teaching of History. History Teacher. Nov 13.
- Freeman, E.A (1879). How The Study of History is Let and Hindered. Liverpool.
- Holley, B, J. (1974). A Level Syllabus Studies: History and Phsics. UK. Mcmillan
- Kirkendall, R.S. (1976). What Has Happened to The Teaching of History in The United States. Social Education.

- Koh, B. B. (1976). Sikap-sikap ibu Bapa /Guru Dan Pencapaian rendah Murid-murid sekatbudah. Masalah pendidikan. Jilid 6. Universiti Malaya.
- Kownslar, A.O. (1976) The Status of History. Social Education.
- McGee. R.T. (1978). Conference on The teaching of History. Denton: North Texas State University.
- Musgrove.F. (1974). Education of Teachers For A Changing role, Society.
- Neoh, T. C. (1964) "History Writing and History teaching" dalam "History Teaching its Problems in Malaysia" Kuala Lumpur. University of Malaya, History Department.
- Peterson. P.L. Marx. R.W. & Clark. C.M. (1978). Teacher Planing. Teacher Behavior and student Achivement. American Educational Research journal 15.
- Reimer, E (1975). School is Dead. Harmondsworth. Penguin.
- Rogers. P (1987) History- The Past as a Frame of Reference. Dalam Protal.C. The History Curriculum for Teachers. London: Palmer Press.
- Rohana Zubir (1982). The History Teachers Dilemma : Fact or Fiction. Masalah Pendidikan. Jilid 9. fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.
- Saedah Siraj, Zainun Ishak, Tunku Mahani Tunku Mokhtar. (1996). Motivasi dalam pendidikan. Utusan Publications Distributors. Sdn Bhd. K.P.M.
- Soljo, R.(1979). Learning in the Learners Perspective. Some Common-Sense Conceptions. (Report no.76). Goteberg. University of Goteberg. Institute of Education.
- Taylor, P..H. (1970). How Teachers Plan Their Courses. Slough. England; foundation for Education Research in England and Wales.
- Taylor, P.H. Reid. W.A. Holley, B.J.&Exon , G. (1974). Purpuse Power and Constraint in the Primary School Curriculum. London. Mcmillan education.
- Wan Zah Wan Ali. (1993). Learning Description from Learners Perspective. An Unpublished doctoral Dissertation. University of Malaya.
- Wesley. E.B. (1967). Let's abolish History courses. Phi Delta Kappan. Sept. 44.
- Xin Ma. (1997). Reciprocal relationships between Attiude toward mathematics and Achievemnt in Mathematics. The Journal of Educational researchs. Volume 90. Number 4.
- Zahorik, J.A. (1975). Teacher's Planning Model. Educational leadership.